

ANTONIM 1

ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A akan wujud jika kedua-dua negara itu tidak **berperang** lagi.

B Janji hendaklah **dikota** dan jika, orang tidak akan mempercayai kita.

C Cikgu menyuruh Halim kertas yang **dibuangnya** tadi.

D Hukuman yang **berat** tidak memberi kesan kepada penagih yang degil itu.

E Dia hanya **menganggukkan** kepalanya apabila ditanya oleh ayahnya..

F Walaupun kembar, perangai kedua- dua beradik itu bak **langit** dengan

ANTONIM 2



ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A Kuih tradisional yang **lembut** itu menjadi setelah sejuk.

B Setelah berat badannya bertambah, pakaiannya yang **longgar** dulu telah menjadi

C Pelajar yang berambut **kusut** telah dinasihati supaya menyisir rambut mereka agar

D Bilik yang **lapang** itu menjadi kerana terlalu banyak perabot.

E Pokok yang **layu** itu semula setelah disirami air..

F Jalan yang selalunya **lengang** itu telah menjadi setelah dua batang jalan lain yang menuju ke bandar ditutup.

ANTONIM 3



ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A

Ikan air **tawar** lebih murah harganya jika dibandingkan dengan ikan air

B

Persahabatan mereka yang **akrab** dulu menjadi setelah Amran dihasut budak nakal itu.

C

Sesebuah negara yang **aman** akan menjadi jika pegawai pemerintahnya makan suap.

D

Barang-barang **tiruan** tidak setanding dengan barang-barang

E

Pelajar yang akan menjadi **arif** jika dia rajin mengulangkaji pelajaran.

F

Jika negara **maju**, rakyat akan hidup bahagia dan jika negara kita pula, rakyat akan sengsara.

ANTONIM 4



ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A

Pemuda yang **amanah** itu kecil hati kerana dituduh berlaku

B

Beberapa tahun yang lalu, hartawan yang **pemurah** itu dan tidak suka berderma.

C

Setelah dijemur, bajunya yang **basah** itu

D

Dia segera setelah **berbaring** di bawah pokok itu selama setengah jam.

E

Sifat suka **berjimat**, mahupun boleh dibentuk ketika kanak-kanak itu kecil lagi.

F

Air yang **beku** tadi menjadi serta-merta apabila diletakkan di dalam kuali panas itu.

ANTONIM 5

ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A

Kerja Encik Sulaiman yang **terbengkalai** itu akhirnya juga.

B

Budak yang **takut** berjalan di tempat yang gelap itu menjadi setelah membaca ayat suci itu.

C

Walaupun wajah kedua-dua saudara kembar itu **serupa**, kelakuannya tetap

D

Rumah yang sentiasanya **riuh** itu menjadi apabila semua penghuninya tidur.

E

Bangunan yang baru **dibina** itu terpaksa kerana boleh membahayakan orang ramai.

F

Setelah **bercantum** selama dua tahun, Singapura terpaksa dari Malaysia.

ANTONIM 6

ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A

Kakinya yang **cedera** itu telah
semula setelah mendapat rawatan.

B

Murid yang selalu **gagal** dalam peperiksaannya itu
akhirnya setelah dia gigih berusaha.

C

Air kolam yang **jernih** dulu menjadi akibat
sampah sarap yang dibuang oleh para pengunjung.

D

Jika anda masih **kabur** tentang pelajaran itu,
bertanyalah kepada guru supaya

E

Kapal tangki yang **karam** semalam, telah
..... semula pagi tadi.

F

Bunga yang **kembang** itu kerana
tidak menerima cahaya.

ANTONIM 7

ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A Ibu dan pelajar diundang untuk mengadiri temasya sukan sekolah itu.

B Syurga dan adalah ganjaran Tuhan kepada makhluknya di akhirat nanti.

C Pertunjukan itu dijayakan oleh **biduan** dan yang terkenal di tanah air kita.

D Kura-kura dan ketam boleh hidup di **laut** dan di

E Persefahaman dan sifat bertolak ansur boleh membahagiakan **suami** dan

F Baginda telah dikurniakan seorang **putera** dan dua orang yang cantik paras wajahnya.

ANTONIM 8

ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A Perjalanan dari **barat** ke
Singapura memakan waktu kurang setengah jam.

B Di sebelah **kiri** dan jalan raya itu
ditanam dengan pokok-pokok bunga.

C Filem yang dibintangi oleh seniman P. Ramlee dan
..... Saloma itu mendapat sambutan hangat.

D Singa **jantan** dan dua ekor singa
itu dihadiahhi oleh Taman Haiwan Kenya.

E Awak tunggu di **hadapan** , biar saya tunggu di
..... pula.

F **Tuan** dan Barker telah menjadi
tetamu terhormat dalam perjumpaan itu.

ANTONIM 9

ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A **Abang** dan Sulaiman bekerja di hotel yang terkemuka itu.

B Kaum **perempuan** dan kaum berlumba-lumba untuk mengejar ilmu pengetahuan.

C **Haji Salman** dan isterinya; Mariam datang ke majlis perkahwinan kakak saya.

D **Datuk Harun** dan isterinya; Salmah menerima pingat daripada Sultan Pahang.

E **Datuk** dan saya akan berangkat ke Indonesia pada hari esok.

F **Raja** dan negeri itu akan mengerjakan umrah pada minggu hadapan.

ANTONIM 10



ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A

Sewaktu saya tiba di rumah Abu, ibunya **tiada** di rumah.

B

Sultan Al-Nizam yang akan turun dari takhtanya itu sangat **adil**.

C

Dia dan Zulkifli tiba paling **awal** di puncak Bukit Timah itu.

D

Pasukan bola sepak Murni **tewas** dalam pertandingan itu.

E

Dalam mesyuarat itu, dia seorang sahaja yang **membantah** pendapat pengerusi.

F

Kita patut **menggalakkan** penjimatan air dan cuba pula pembazirannya.

ANTONIM 11



ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A

Hawa di **kutub** utara dan sangat sejuk.

B

Jarak antara **langit** dan sukar diukur oleh manusia.

C

Tuntutlah ilmu **dunia** dan untuk kebahagiaan hidup kita.

D

Angkasawan dan itu cuba mendarat di permukaan bulan dengan kereta khas..

E

Dia sudah **asyik** mendengar lagu-lagu rancak dari Barat itu.

F

Wanita yang **ayu** itu memakai selendang dan berkebaya biru.

ANTONIM 12

ARAHAN : Berikan perkataan berlawanan bagi perkataan berhuruf tebal dan kemudian tuliskan jawapannya ke dalam ruangan yang disediakan.

A

Kebahagiaan hidup tergantung kepada sikap seseorang.

B

Orang kaya itu memang dikenali sebagai seorang yang **pemurah**.

C

Kita hendaklah ber..... dan jangan sekali-kali **berbalah**.

D

Dia terus **baring** apabila jam dinding itu berbunyi tiga kali.

E

Hidup di dunia hanyalah **sementara** tetapi hidup di akhirat

F

Semua nasihat kedua-dua orang tuanya tetap **dipedulikan**.